

01 AUG 1999

MIC-Resolusi

PERWAKILAN MIC BERSETUJU DENGAN PEMBUBARAN TABUNG BURUH

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Para perwakilan di Perhimpunan Agung MIC ke 53 di sini dengan sebulat suara menerima sembilan resolusi, antaranya menyokong pembubaran Tabung Buruh India Selatan dan memberikan sokongan tidak berbelah bahagi kepada kepimpinan berterusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam menyampaikan sokongan mereka bagi kepimpinan berterusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, para perwakilan memperakui yang dasar-dasar dan tindakan berwawasan jauh beliau dalam memulihkan ekonomi negara telah menunjukkan keputusan positif.

"Kita juga berjanji untuk menyokong sepenuhnya Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya akan datang dan akan berbuat apa sahaja untuk memastikan majoriti dua pertiga bagi BN untuk membentuk kerajaan yang utuh," kata mereka.

Lebih kurang 1,500 perwakilan dan 5,000 pemerhati menghadiri perhimpunan dua hari itu di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini. Majlis perasmian perhimpunan itu dilakukan oleh Dr Mahathir semalam.

Mengenai pembubaran Tabung Buruh India Selatan yang menimbulkan kontroversi baru-baru ini, para perwakilan berkata mereka menerima jaminan Dr Mahathir yang kerajaan akan menjaga orang-orang tua yang dahulunya di bawah jagaan tabung itu dan aset berjumlah RM5 juta dalam tabung itu digunakan demi manfaat pekerja-pekerja estet.

Konvensyen itu diadakan sempena sambutan ulang tahun Persatuan Agen-Agen Insurans Jaminan Pendapatan Hidup Melayu Malaysia (JAMIN) yang keenam.

Konvensyen yang bertemakan "Insurans Menjamin Kebajikan dan Kesejahteraan" merupakan konvensyen ejen insurans Islam yang pertama membabitkan ejen dari negara jiran, Singapura.

Ia diadakan selama tiga jam dengan tujuan menjelaskan kepada kerajaan dan rakyat betapa pentingnya insurans sebagai satu instrumen kewangan yang dapat menjamin kebajikan dan kesejahteraan rakyat.

"Kita juga menyokong cadangan kerajaan untuk melaksanakan skim pendidikan dan latihan yang sesuai menggunakan wang dan aset tabung itu demi manfaat pekerja-pekerja ladang dari masyarakat India dan anak-anak mereka," kata mereka lagi.

Berbalik kepada pendidikan, mereka menyeru Kementerian Pendidikan supaya melengkapkan sekolah-sekolah Tamil dengan komputer dan kemudahan lain untuk membolehkan murid-murid di situ menyertai program sekolah bestari selaras dengan sekolah-sekolah lain di negara.

Mereka juga mahukan Kerajaan Persekutuan memberi segala kelulusan dan peruntukan kewangan yang mencukupi bagi penubuhan universiti perubatan yang dikendalikan oleh sayap pendidikan MIC, Institut Pembangunan Pendidikan Maju (MIED).

Kerajaan negeri Kedah telah meluluskan sebidang tanah di Sungai Petani bagi tujuan pembinaan universiti itu.

Mengenai nasib pekerja-pekerja estet yang menjadi tumpuan di setiap perhimpunan agung MIC, para perwakilan menyeru kerajaan supaya memberikan perhatian serius dan segera bagi pelaksanaan sistem gaji bulanan seperti yang dicadangkan oleh parti, selaras dengan pembangunan negara.

"Kami juga menyeru Kementerian Sumber Manusia supaya segera mengkaji semula syarat-syarat dan terma Skim Pemilikan Rumah bagi pekerja-pekerja estet untuk memastikan pemilik-pemilik ladang seperti PNB, Guthrie, IOI dan

Dunlop, melaksanakan skim itu tanpa berlengah," kata mereka.

Memandangkan kos import makanan yang meningkat, para perwakilan juga mahukan dasar-dasar dan program untuk meningkatkan pengeluaran makanan dan tanah pertanian sesuai diperuntukan bagi masyarakat India yang duduk di luar bandar.

MIC juga menyambut baik Akta Penjagaan Budak (Pindaan) yang diluluskan baru-baru ini.

Para perwakilan juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana mengubah waktu siaran berita Tamil di RTM dari 5 petang ke 5.30 petang.

Pengerusi Jawatankuasa Resolusi Datuk S. Subramaniam yang juga timbalan presiden parti kemudian memberitahu pemberita yang para perwakilan secara amnya gembira dan puas hati mengenai isu-isu yang diberi perhatian khasnya mengenai gaji bulanan bagi pekerja estet dan pembubaran Tabung Buruh India Selatan.

Beliau berkata, resolusi-resolusi itu akan dihantar ke Kementerian dan agensi berkaitan dan juga kepada kerajaan-kerajaan negeri untuk melaksanakan resolusi itu.

"Dengan itu, masyarakat India akan berpendapat masalah mereka bukan sahaja diberi perhatian tetapi juga akan diselesaikan di masa depan," katanya.

Sementara itu, para perwakilan juga meluluskan beberapa pindaan pada perlembagaan parti.

Antaranya ialah meningkatkan bilangan perwakilan pemuda dan wanita di perhimpunan agung daripada 15 orang kepada 35 orang.

Satu lagi pindaan ialah membolehkan ketua wanita dan pemuda dilantik ke Jawatankuasa Kerja Pusat.

-- BERNAMA

RV PR